

GST boleh jadi instrumen pembaharuan jangka panjang

Cukai Barang dan Perkhidmatan mekanisme imbangi keadilan, kemampuan kewangan negara

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Cadangan untuk memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) selepas Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) boleh menjadi instrumen pembaharuan fiskal jangka panjang jika dilaksanakan dengan betul, demikian menurut penganalisis.

Timbalan Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Dr Mohd Fairuz A Razak, berkata dalam konteks fiskal negara, kebergantungan berlebihan kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta cukai pendapatan ada hadnya.

"SST memberikan hasil yang

terhad dan tidak neutral, manakala cukai pendapatan semakin sempit asasnya. GST bukan sekadar alat menambah hasil, tetapi mekanisme mengimbangi keadilan, kecukupan dan kemampuan kewangan negara.

"Kesimpulannya, tuntutan supaya GST diperkenalkan semula selepas PRU16 tidak harus ditolak mentah-mentah, dan juga tidak wajar diterima tanpa syarat. Rakyat tidak menolak pembaharuan cukai, tetapi mereka menuntut keadilan, kejelasan dan empati dasar," katanya kepada BH.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, baru-baru ini menegaskan pendirian supaya GST dikembalikan selepas PRU16, bagi memastikan keadilan ekonomi serta hasil negara yang lebih mampan.

Beliau berkata, pendirian BN jelas, namun parti itu bersedia memberi ruang kepada sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan



Mohd Fairuz

(SST) sedia ada untuk diteruskan buat sementara waktu.

Mohd Fairuz berkata, cadangan oleh Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri itu juga perlu dinilai sebagai satu peluang untuk melaksanakan rejim cukai itu dengan lebih mantap dan tidak mengulangi kelemahan pelaksanaannya sebelum ini.

Beliau berkata, dari sudut garis masa, tempoh dua hingga tiga tahun selepas PRU16 adalah masa yang munasabah jika benar-benar digunakan untuk persediaan menyeluruh.

Kadar lebih progresif

Katanya, ini termasuk pendidikan awam yang konsisten, penstrukturan kadar yang lebih progresif, pengecualian barangan asas yang jelas, serta mekanisme pampasan atau bantuan bersasar kepada golongan B40 dan M40 kerana tanpa elemen perlindungan sosial yang kukuh, sebarang sistem cukai penggunaan akan terus dilihat se-

bagai menekan rakyat.

"Selain itu, landskap percukaian hari ini jauh berbeza berbanding sedekad lalu. Malaysia kini sedang melaksanakan e-Invois secara berperingkat, memperkukuh integrasi data dan menambah ketelusan rantaian transaksi. Jika GST ingin diperkenalkan semula, ia seharusnya disepadukan dengan ekosistem digital ini, bukan berdiri secara terasing.

"Integrasi GST dengan e-Invois, MyTax dan sistem pemantauan masa nyata boleh mengurangkan ketirisan, meningkatkan pematuhan dan pada masa yang sama memudahkan urusan perniagaan yang patuh," katanya.

Sementara itu, Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata garis masa yang dinyatakan oleh BN untuk memperkenalkan semula GST bertujuan baik dari sudut struktur cukai, namun belum semestinya sesuai dari sudut kesan langsung kepada rakyat tanpa pelaksanaan mitigasi kos yang jelas.

Katanya, kenyataan pimpinan kerajaan mencerminkan pendekatan yang lebih berhati-hati dan

pragmatik untuk melindungi rakyat daripada beban cukai secara langsung sebelum masa itu benar-benar sesuai.

"Kos sara hidup sekarang masih menjadi isu utama rakyat. GST cenderung meningkatkan harga banyak barangan atau perkhidmatan yang tidak dapat dikecualikan walaupun ada pengecualian," katanya.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa pendapatan isi rumah masih tidak seragam kerana ramai yang bergaji rendah dan sederhana mungkin rasa terbeban jika GST diperkenalkan semula tanpa mekanisme perlindungan jelas.

"Peralihan SST kepada GST memerlukan masa untuk perseediaan pentadbiran, komunikasi dan perancangan jangka panjang supaya tidak berlaku ketidakpastian dalam ekonomi.

"Justeru, masa yang paling sesuai untuk memperkenalkan semula GST belum jelas buat masa ini jika ia hanya bergantung kepada tarikh PRU semata-mata tanpa pertimbangan keadaan ekonomi dan kesiapsiagaan rakyat," katanya.